

# **PERBARISAN PENGHARGAAN SEMPENA PERSARAAN MEJ JEN DATUK HJ ROMLEE BIN YAHAYA TUDM**

 [airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4927-perbarisan-penghargaan-sempena-persaraan-mej-jen-datuk-hj-romlee-bin-yahaya-tudm](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4927-perbarisan-penghargaan-sempena-persaraan-mej-jen-datuk-hj-romlee-bin-yahaya-tudm)

ALOR SETAR, 3 Mei 19 – Satu istiadat perbarisan penghargaan sempena persaraan Mej Jen Datuk Hj Romlee bin Yahaya TUDM yang sebelum ini memegang jawatan sebagai Panglima Wilayah Udara 1 telah berlangsung di Kolej Tentera Udara hari ini.

Istiadat perbarisan ini diadakan sebagai satu tanda penghormatan terakhir TUDM kepada Mej Jen Datuk Hj Romlee bin Yahaya TUDM yang akan bersara dari perkhidmatan setelah menabur bakti di dalam perkhidmatan ATM khususnya TUDM.



Di dalam istiadat yang penuh gemilang ini, Mej Jen Datuk Hj Romlee bin Yahaya TUDM telah mengambil tabik hormat dan memeriksa perbarisan yang terdiri daripada 11 pegawai dan 154 anggota lain-lain pangkat yang diketuai oleh Mej Nazrul Nizam bin Ismail TUDM serta turut diiringi dengan Pancaragam Kolej Tentera Udara dibawah pimpinan Mej Mohd Subri bin Mohamed Isa TUDM.

Di akhir acara, Mej Jen Datuk Hj Romlee bin Yahaya TUDM bersama isteri, Datin Hjh Rokiah bte Baba telah dibawa berarak menggunakan kenderaan istiadat di Dewan Aeroangkasa hingga ke Markas Pangkalan yang diiringi oleh Pegawai-pegawai Kanan, pegawai-pegawai dan anggota TUDM. Turut hadir di perbarisan penghargaan ini adalah Timbalan Panglima Tentara Udara, Lt Jen Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM.

Seluruh warga TUDM mengucapkan selamat bersara dan semoga terus maju jaya kepada Mej Jen Datuk Hj Romlee bin Yahaya TUDM. Jasamu dikenang!

